



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

2 JUN 2021 (RABU)

Laksana inisiatif sokong perniagaan

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan beberapa inisiatif dalam merealisasikan matlamat menyokong kelangsungan perniagaan selaras Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+).

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata melalui agensinya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), lanjutan masa 90 hari akan diberi untuk syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021 untuk menyelesaikan beberapa urusan.

Urusan berkenaan, katanya, termasuk mengedarkan penyata kewangan, mengadakan mesyuarat agung tahunan dan menyerahkan simpan penyata kewangan selain pengecualian RM100 fi permohonan lanjutan masa.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

2 JUN 2021 (RABU)

Kongsi kesusahan bersama

Anggota Kabinet akur kerajaan serius tangani kesan COVID-19 kepada ekonomi

Yasminah Dabih Aling
bhnews@bh.com.my

PEMERKASAT
Program Subang Menterusi Kabinet dan Ekonomi Timbalan

Dr Adham Baba berkata, beliau tidak ada halangan untuk tidak mengambil gaji dalam tempoh tiga bulan kerana sedar ada pihak lebih memerlukan demi membantu negara ketika kita masih terus menangani wabak COVID-19.

Bagi Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad pula, ia adalah so-lidariti daripada anggota Kabinet yang turut sama berdepan penularan wabak.

"Anggota Kabinet juga mema-hami bahawa keadaan sukar dan kerajaan serius menangani ke-san Covid-19 kepada ekonomi," katanya.

Sementara itu, Menteri Alam Sekitar dan Air yang juga Tim-balan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, ber-kata PAS akan turut melaksa-nakan pofongan 20 peratus tam-bahan daripada peruntukan



Dr Abdul Latiff Ahmad



Tuan Ibrahim Tuan Man



Rosol Wahid

Parlimen kepada parti berkena-an.

Menurutnya, PAS melancar-kan Tabung Bantuan COVID-19 dengan menteri, timbalan men-teri, Ahli Parlimen dan Ahli De-wan Undangan Negeri (ADUN) parti berkenaan diwajibkan me-nyumbang bagi meringankan be-banan ahli dan petugas parti yang terkesan.

"Saya dan rakan-rakan lain menyambut baik langkah yang diambil sebagai tindakan priha-tin Menteri, Timbalan Menteri

dan wakil rakyat daripada Pas," katanya

Bagi Timbalan Menteri Per-dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, pengumuman itu kena-pada masanya ketika semua pi-hak sedang berjuang melawan wabak.

Menurutnya, ia menunjukkan satu kebersamaan antara an-gota Kabinet dan masyarakat ke-rana isu COVID-19 memberi ke-san kepada semua pihak di setiap peringkat.